

MENEROKA MODEL PENDIDIKAN SEIMBANG UNTUK MENDEPANI ABAD KE-21

Suhailiza Md. Hamdani, Dini Farhana Baharudi, Nur Kareelawati Abdul Karim,
dan Eizan Azira Mat Sharif

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan,
Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Malaysia. Email: suhailiza@usim.edu.my

ABSTRAK

Dalam menghadapi abad ke-21, banyak cabaran yang perlu dihadapi oleh pendidik dalam usaha untuk menyampaikan pendidikan yang berkualiti kepada anak-anak. Untuk mencapai revolusi perindustrian ke-4, pendidikan berkualiti bukan hanya meliputi 4M (Membaca, Mengira, Menulis, dan Menaakul) tetapi juga meliputi kemahiran dan kecekapan abad ke-21 yang bertujuan melahirkan generasi yang berdaya saing dan seimbang. Oleh itu, peranan pendidik dan sistem pendidikan perlu ditambah nilai supaya lebih berpusatkan pelajar. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk menerangkan model pendidikan anak-anak yang dibincangkan oleh ilmuwan Islam sebagai panduan kepada pendidik. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif analisis kandungan. Dua kitab yang dikaji iaitu kitab Ya Ayyuhal walad karangan Muhammad al-Ghazali dan Tarbiyatul Awlad karangan Muhammad Nasih Ulwan. Dapatan kajian ini menghasilkan satu cadangan model Pendidikan anak-anak yang seimbang dan komprehensif meliputi akademik, psikologi dan kerohanian.

Kata kunci: pendidikan, anak-anak, abad ke-21, pendidik, kualitatif

ABSTRACT

In facing the 21st century, many challenges need to be faced by educators in disseminating quality education to children. To achieve the forth industrial revolution, quality education not only covers the 4M (Membaca, Mengira, Menulis, Menaakul) but also involve skills and competency of the 21st century that aims to develop competitive and balanced generation. Hence, the role of educators and education system need to be enhanced to focus more on students. The purpose of this paper is to describe a model of children education as discussed by Muslim scholars as a guide for educators. This study utilizes content analysis methodology. Two texts chosen were Ya Ayyuhal walad by Muhammad al-Ghazali and Tarbiyatul Awlad by Muhammad Nasih Ulwan. The result of this study is to come up with a proposed model on balanced and comprehensive children education that include academic, psychology, and spiritual.

Keywords: education, children, 21st century, educators, qualitative

1. Pendahuluan

Abad ke-21 yang berpaksikan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi memunculkan banyak cabaran kepada pendidik bagi menyampaikan pendidikan yang berkualiti meliputi kemahiran dan kecekapan abad ke-21 (Abdul Halim Tamuri & Nur Hanani hussin, 2017) yang bukan sahaja melibatkan asas 4M (Membaca, Mengira, Menulis,

dan Menaakul). Tambah nilai kepada sistem pendidikan dan pendidik adalah perlu agar pendidikan yang diberikan adalah seimbang yang berpusatkan pelajar (*student-centred*) selain berkesan, bermakna, dan menyeronokkan.

Pendidikan yang seimbang bermakna ia merangkumi aspek luaran (jasmani) dan dalaman (rohani), aspek duniawi dan akhirat. Hasil daripada pendidikan yang seimbang dapat melahirkan insan yang sebenar-benarnya menepati kehendak penciptaan manusia iaitu bukan sahaja sebagai khalifah di muka bumi tetapi juga sedar tentang dirinya sebagai hamba kepada Allah SWT. Sebaliknya, kepincangan dalam pendidikan yang seimbang akan menyebabkan kerosakan di muka bumi.

Dengan pelbagai cabaran dunia berteknologi abad ke-21 ini, antara isu yang timbul adalah terpisahnya agama dengan ilmu pengetahuan. Malah, al-Faruqi (1989) menyatakan sistem pendidikan yang lemah tanpa asas intelektual dan metodologi falsafah pendidikan yang kukuh khasnya pemisahan ilmu dengan agama dan kurangnya ilmuan yang berwibawa menyebabkan kemunduran masyarakat Islam (Nor Assiah Ibrahim Shah et al., 2017).

Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk meneroka cadangan model pendidikan anak-anak yang dibincangkan oleh ilmuwan Islam menerusi dua teks sebagai panduan kepada pendidik.

2. Konsep Pendidikan awal kanak-kanak

2.1 Konsep Pendidikan awal kanak-kanak Malaysia

Istilah pendidikan awal kanak-kanak menurut Pertubuhan Kebangsaan bagi Pendidikan Kanak-kanak Muda (NAEYC, 2011) adalah segala program pendidikan yang memberi layanan, asuhan, dan bimbingan kepada kanak-kanak semenjak lahir sehingga berumur lapan tahun. Di Malaysia, pendidikan awal kanak-kanak merangkumi pelbagai program yang disediakan di institusi-institusi seperti taman asuhan, pra-sekolah, atau sekolah rendah untuk anak-anak dari kelahiran sehingga umur lapan tahun (Norfauzian Kassim & Fauziah Hanim Jalal, 2015).

Kebiasaannya di Malaysia, pendidikan awal kanak-kanak dibahagikan kepada dua berdasarkan peringkat umur mereka. Peringkat pertama ialah taska iaitu bagi anak-anak yang berumur di bawah empat tahun. Peringkat ini tertakluk kepada Akta Taman Asuhan 1984 (Akta 308). Panduan pengajaran dan pembelajaran di peringkat ini adalah berdasarkan Kurikulum Pra-sekolah Kebangsaan Kementerian Pendidikan Malaysia yang meliputi bahasa dan komunikasi, pendidikan kerohanian dan moral, perkembangan kognitif, perkembangan sosioemosi, perkembangan fizikal, dan kreativiti dan estetika (Norfauzian Kassim & Fauziah Hanim Jalal, 2015).

Seterusnya ialah peringkat kedua iaitu pra-sekolah atau tadika bagi anak-anak empat hingga enam tahun yang berada di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Pengajaran dan pembelajaran menggunakan konsep belajar melalui bermain dengan memasukkan unsur-unsur 4M (Membaca, Menulis, Mengira, dan Menaakul) untuk menyediakan anak-anak mempunyai asas kemahiran dan pengalaman bagi pendidikan formal di sekolah rendah (Norfauzian Kassim & Fauziah Hanim Jalal, 2015).

Terdapat pelbagai jenis program disediakan oleh pihak kerajaan mahupun swasta. Antaranya ialah Tabika Perpaduan, program PERMATA Negara, Pra-sekolah PASTI, serta pelbagai khidmat asuhan dan taska swasta.

Atas kesedaran tentang kepentingan pendidikan awal anak-anak di samping keluarga dwi-kerjaya, kebanyakan ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke institusi-institusi ini dengan

memberikan kepercayaan kepada pendidik atau pengasuh untuk memberikan asuhan, jagaan, dan didikan yang sepatutnya kepada anak-anak mereka. Oleh yang demikian, adalah penting pendidikan awal anak-anak diberikan perhatian terutamanya oleh pendidik yang menjadi pengganti kepada ibu bapa semasa anak-anak berada di taska mahupun di tadika (Norfauzian Kassim & Fauziah Hanim Jalal, 2015).

2.2 Konsep Pendidikan awal kanak-kanak menurut Islam

Pendidikan adalah satu medium melibatkan proses tertentu untuk memindahkan nilai kebudayaan masyarakat kepada individu dalam masyarakat tersebut (Hassan Langgulong, 1979). Ia adalah salah satu daripada elemen asas dalam perkembangan manusia dan merupakan insituisi sosial yang paling penting dalam sesebuah masyarakat. Malahan dalam Islam, pendidikan adalah suatu konsep utama dan ini ditekankan dalam ayat pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW yakni “Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menjadikan” (al-‘Alaq, 1). Oleh yang demikian, pendidikan menjadi suatu tugas yang dianggap suatu ibadah bagi umat Islam. Melalui pendidikan dapat menyampaikan prinsip-prinsip, kepercayaan, nilai, norma, dan kefahaman tentang Islam daripada golongan dewasa kepada generasi yang baru (Asmau Imam Abdul Kabir, 2016).

Dilihat dari perspektif Islam, pendidikan mempunyai pengertian dan konsep yang lebih luas atau syumul. Prof. Hassan Langgulong (1987) menegaskan pendidikan sebagai merubah dan memindahkan nilai-nilai kebudayaan kepada setiap individu masyarakat melalui pelbagai proses. Proses pemindahan tersebut ialah pengajaran, latihan dan indoktrinasi. Pemindahan nilai-nilai melalui pengajaran ialah memindahkan pengetahuan dari individu kepada individu yang lain; dan latihan ialah membiasakan diri melakukan sesuatu bagi memperoleh kemahiran, sementara indoktrinasi pula menjadikan seseorang dapat meniru apa yang dilakukan oleh orang lain. Ketiga-tiga proses ini berjalan serentak dalam masyarakat primitif dan moden.

Dr. Yusuf al-Qardawi (1980) pula mendefinisikan pendidikan sebagai pendidikan bagi keseluruhan hidup termasuklah akal, hati dan rohani, jasmani, akhlak, dan tingkahlaku. Ia bertujuan untuk menyediakan manusia bagi menghadapi masyarakat yang sering menghadapi kebaikan dan kejahatan, kemanisan dan kepahitan.

Secara keseluruhannya, pendidikan menurut Islam ialah satu proses berterusan untuk merubah, melatih, dan mendidik akal, jasmani, dan rohani manusia dengan berasaskan nilai-nilai Islam yang bersumberkan wahyu bagi melahirkan insan yang bertaqwa dan mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. untuk mendapatkan kejayaan di dunia dan akhirat.

Istilah bahasa arab iaitu *Ta'lim, Tarbiyah dan Ta'dib* adalah merujuk kepada maksud pendidikan. Istilah *Ta'lim* dinyatakan di dalam firman Allah s.w.t :

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى
الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ
كُنْتُمْ صَادِقِينَ

Maksudnya: “Dan Dia telah mengajar Nabi Adam akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkan kepada Malaikat lalu ia berfirman: Terangkanlah kepada aku nama benda-benda ini semuanya, jika kamu golongan yang benar” (al-Baqarah:31)

Manakala istilah ‘*tarbiyah*’ pula disebut di dalam firman Allah s.w.t:

وَإِخْفِضْ
لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا
كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا

Maksudnya: "...dan doakanlah (untuk mereka dengan berkata), Wahai Tuhanku, cucurkanlah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidiku semasa kecil." (al-Israa':24)

Selain itu, istilah *Ta'dib* yang dinukilkan di dalam hadith rasulullah s.a.w.

"Allah mendidiku, maka Dia memberikan kepadaku sebaik-baik pendidikan."

Antara istilah-istilah yang dinyatakan di atas, istilah '*tarbiyah*' adalah yang tepat dan sering digunakan (al Jamali,1995). Ini adalah kerana perkataan '*tarbiyah*' menurut sarjana Pendidikan Islam berasal dari "rabb" yang merujuk kepada Allah s.w.t sebagai pendidik umat manusia.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif analisis kandungan. Dua kitab yang dikaji iaitu kitab *Ya Ayyuhal Walad* karangan Muhammad al-Ghazali dan *Tarbiyatul Awwal* karangan Muhammad Nasih Ulwan. Sepertimana diketahui umum, kedua-dua kitab ini menerangkan tentang pendidikan anak-anak dalam perspektif Islam. Elemen-elemen yang ada dalam kitab-kitab ini dikumpulkan untuk membentuk model pendidikan anak-anak yang seimbang.

4. Dapatan dan Perbincangan

Perbincangan berkenaan pendidikan anak-anak yang dibincangkan oleh para sarjana Islam adalah menjurus kepada tiga bahagian utama iaitu :

- 1) Peringkat Tumbesaran Anak-anak
- 2) Kepentingan Pendidikan Anak-anak
- 3) Metod Pendidikan Anak-anak

1)Peringkat Tumbesaran Anak-Anak

Pendidikan anak-anak adalah bermula daripada ia dilahirkan sehingga hingga menuju ke arah kebahagiaan dan kesempurnaan. Namun perkembangan ini berlaku secara berperingkat-peringkat. Lima peringkat perkembangan anak-anak menurut al-Ghazali adalah peringkat janin, kanak-kanak, tamyiz, *al-aqil* dan *al-auliya*. Peringkat janin adalah peringkat anak-anak masih dalam kandungan ibu dan hidup setelah ditiupkan roh oleh Allah s.w.t. Inilah pendidikan rohani pertama yang diberikan oleh ibu bapa iaitu melalui pemakanan yang halal dan toyyib dan sentiasa berdoa semoga anak yang dilahirkan soleh dan solehah.

Peringkat seterusnya adalah selepas kelahiran sehingga usia lima tahun .Pada peringkat ini ibu bapa perlu memberikan pendidikan rohani dan jasmani kepada anak-anak iaitu memastikan anak mendapat hak penyusuan untuk tumbesaran yang sihat. Selain itu ibu bapa juga perlu memastikan persekitaran yang baik iaitu meletakkan anak di bawah penjagaan pengasuh yang baik.

Peringkat ketiga adalah mumaiyiz iaitu anak-anak sudah tahu membezakan perkara yang baik dan buruk dan bersedia menerima ilmu-ilmu asas bersifat fardhu ain. Peringkat seterusnya pula adalah manusia yang telah berakal dengan sempurna untuk menguasai dan memikul tanggungjawab melaksanakan ilmu-ilmu tersebut iaitu fasa remaja. Manakala kemuncak kehidupan manusia ialah peringkat *al-anbiya* dan *al-auliya*.

2).Kepentingan Pendidikan Anak-Anak

Abdullah Nasih Ulwan telah mengklasifikasikan pendidikan anak-anak yang perlu diberi perhatian sepenuhnya oleh para ibu bapa dan pendidik iaitu: pendidikan Iman, pendidikan moral, pendidikan mental, pendidikan fizikal, pendidikan intelektual dan pendidikan sosial. Pendidikan aqidah dalam peringkat awal perkembangan anak-anak adalah meliputi perkara-perkara berikut iaitu:

1-menanam rasa cinta kepada Allah, memohon pertolonganNya, merasa selalu diawasiNya dan beriman kepada Qada' dan Qadr.

Al-Ghazali dalam kitabnya Ihya' menampilkan sebuah kisah menarik: Sahl Bin Abdullah al-Tusrati berkata:

“Ketika saya berusia tiga tahun pernah bangun malam lalu saya perhatikan solat yang dilakukan oleh bapa saudara saya yang bernama Muhammad Bin Sawar.Pada suatu hari dia berkata kepadaku: Apakah engkau ingat Allah yang telah menciptakanmu? Saya menjawab:”Bagaimana saya dapat mengingatnya”? Dia menjawab:”Ucapkan dalam hatimu ketika engkau hendak tidur sebanyak tiga kali tanpa henti: Allah bersamaku, Allah memperhatikanku dan Allah menyaksikanku”. Maka aku akan ucapkan kata-kata itu pada malam-malam berikutnya dan kemudian dia berkata: “Ucapkan tujuh kali setiap malam”, lalu aku mengucapkannya.Kemudian dia berkata:”Ucapkanlah sepuluh kali setiap malam”,aku pun mengucapkannya, lalu aku meraskan kemanisannya. Sesudah setahun berlalu, bapa saudaraku berkata kepadaku:”Jagalah terus apa yang aku ajarkan kepadamu dan lakukan terus hingga kamu masuk kubur kerana sesungguhnya perkara ini akan akan memberikan kamu manfaat di dunia dan akhirat. Maka aku istiqamah melakukan perkara itu di dalam hati sehingga dapat kemanisannya di dalam hati.”

Cerita tersebut menunjukkan bahawa cinta dan kasih sayang serta perasaan bahawa Allah sentiasa mengawasi kita boleh diterapkan kepada anak-anak sedikit demi sedikit sehingga sehati sehingga akhirnya kanak-kanak itu sendiri merasai kemanisannya di samping keyakinan tentang kewujudan Allah s.w.t.

2.Mengakui kenabian dan kerasulan dan membenarkan kebenaran yang dibawa. Oleh itu anak-anak perlu dididik mencintai Rasulullah s.a.w. melalui pelbagai cara seperti menjelaskan kedudukan Rasulullah s.a.w sebagai nabi dan rasul terakhir,menceritakan sejarah perjalanan kehidupan dan perjuangan menegakkan agama islam dengan kaedah yang menarik,mengajar dan melazimkan anak-anak mengucapkan selawat ketika mendengar nama nabi disebut dan menjadikan sunnah rasulullah s.a.w sebagai contoh dan ikutan dalam kehidupan seharian.

3.Menerapkan kepercayaan kepada hari kiamat kepada anak-anak. Usaha memberikan kefahaman tentang hari kiamat merupakan satu cabaran yang besar buat ibu-bapa kerana ia melibatkan persoalan tentang perkara yang ghaib(yang tidak nampak) dan anak-anak pada awal usia agar sukar untuk memahaminya. Namun demikian, antara kaedah terbaik yang boleh digunakan duntuk menerapkan keimanan kepada hari kiamat adalah dengan mengaitkan balasan dosa dan pahala;iaitu setiap orang yang melakukan kebaikan di dunia akan mendapat balasan syurga di akhirat, manakala bagi yang melakukan kejahatan di dunia akan mendapat balasan neraka di akhirat. Selain itu, anak-anak juga perlu diberikan kefahaman tentang kejadian makhluk yang ghaib iaitu malaikat,jin dan syaitan supaya mereka tidak lagi takut menghadapinya.

Manakala pendidikan sosial pula adalah proses mempersiapkan anak-anak menjadi manusia yang sempurna aqalnya dalam kehidupan individu dan kehidupan masyarakat.(Arifin,2003)

Hasan Ali Murad (t.t) di dalam kitabnya “ *Adab al-‘Alim wa al-Muta’allim*” menukilkan hadith nabi s.a.w yang bermaksud: “*Hak seorang anak atas orang tuanya adalah mendapatkan nama yang baik, pengasuhan yang baik, dan adab yang baik*” (HR Bukhari). Membentuk moral baik pada anak merupakan sebahagian hukum syara’ Islam kerana membentuk moral atau adab sopan santun pada anak merupakan sebahagian dari akhlak Islam yang diperintahkan oleh Rasulullah SAW. Seperti sabdanya:”*Setiap Muslim wajib menghiasi dirinya dengan akhlak mulia, baik dalam beribadah, bermuamalah dengan orang lain atau dalam perilaku yang sifatnya peribadi*”(HR Muslim)

Terdapat juga beberapa hadith yang menunjukkan kepentingan pendidikan kepada anak-anak. Sebagai contoh,hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Abu Hurairah.Rasulullah s.a.w bersabda:”*Tiap-tiap kanak-kanak itu dilahirkan dalam keadaan suci, maka ibu-bapanyalah yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani atau majusi*”. Hadith ini menjelaskan tentang peranan ibu-bapa yang cukup penting dalam pendidikan awal anak-anak dan ini bertepatan dengan peribahasa melayu “Melentur buluh biarlah dari rebungnya”.

Pepatah Arab ada menyatakan:

التَّعْلِيمُ فِي الصِّغَرِ كَالنَّقْشِ عَلَى الْحَجَرِ

“*Didikan pada waktu kecil adalah seperti memahat pada batu (yang akan kekal lama)*”.

Saidina Ali ra berkata:

عَلِّمُوا أَوْلَادَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ الْخَيْرَ وَأَدِّبُوهُمْ

“*Ajarkanlah anak-anakmu dan ahli keluargamu berkenaan dengan kebaikan, dan didiklah mereka menjadi orang yang beradab*”.

3. Metod Pendidikan Anak-Anak

Pendidikan yang berkesan kepada anak-anak adalah kaedah pendekatan yang terbaik yang digunakan oleh ibu-bapa kepada anak-anak. Oleh kerana pendekatan yang digunakan akan mencorak peribadi dan tingkah laku anak-anak, maka ibu bapa dan pendidik perlu memastikan kaedah yang digunakan adalah sesuai dengan perkembangan usia mereka serta memberi kesan kepada mereka.

Imam Al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya’ Ulumuddin* dan Abdullah Nasih Ulwan dalam kitabnya *Tarbiyah al-aulad Fi al-Islam* adalah antara sarjana Islam terkemuka yang terlebih awal mengupas begitu terperinci persoalan ini dan mengemukakan lima aspek utama dalam pendidikan kanak-kanak khususnya di peringkat awal perkembangan: *Qudwah (Role model)*, *Mulahazah wa mutaba’ah (Observation and imitation)*, *i’tiyad (kelaziman/kebiasaan)*, *isu Al-thawab wa al iqab (Reward and punishment)* dan *nasihat* sebagai penyelesaian.

1. Pendidikan dengan *Qudwah (Role model)*

Metode ini adalah metode yang paling berkesan di dalam pembinaan identiti dan peribadi dan ia akan mempengaruhi perkembangan emosi, spiritual dan moral. Ini adalah kerana anak akan menjadi peniru unggul yang merupakan modal yang positif dalam pendidikan keagamaan untuk anak-anak. (Nasih Ulwan,1997)

Ibu-bapa sebagai pendidik harus perlu mencontohi *role model* atau *qudwah* terunggul iaitu Rasulullah s.a.w. kerana beliaulah pemilik akhlak terpuji, sebagaimana yang dijelaskan di dalam firman Allah s.w.t :

لقد كان لكم في رسول الله أسوة

Maksudnya: **“*Sesungguhnya pada Rasulullah s.a.w adalah contoh ikutan tauladan yang baik*”**.(al-Ahzab:21)

Ibu bapa dan penjaga harus memastikan bahawa segala tunjuk ajar kepada anak adalah berpandukan ajaran Rasulullah s.a.w dan anak-anak juga perlu diingatkan supaya meneladani tingkah laku Rasulullah s.a.w. Ini adalah kerana pendidikan akan lebih cepat difahami sekiranya ia ditunjukkan secara praktikal. Abdullah Nasih Ulwan berpendapat bahawa memberi teladan yang baik menurut Islam adalah metod yang paling berkesan di dalam pendidikan anak-anak. Ini dapat dilakukan dengan melakukan praktikal ibadah seharian bersama-sama seperti solat, puasa, berzikir dan mengaji serta sentiasa menunjukkan sikap yang baik di hadapan anak-anak.

2. Pendidikan dengan *i'tiyad* (kelaziman/kebiasaan)

Dalam mendidik anak di awal usia, ibu bapa atau penjaga dapat meminta anak-anak mengulangi apa yang telah dipelajari daripada guru di sekolah. Metod pengulangan atau kebiasaan memiliki beberapa kelebihan, di antaranya: seorang anak dapat memperoleh kecekapan seperti menulis, menghafal huruf, kata-kata atau perkataan, membuat alat-alat dan lain-lain. Selain itu, metod ini dapat membentuk kebiasaan dan menambah ketepatan serta kecepatan pelaksanaan, sehingga tidak lagi memerlukan konsentrasi dalam pelaksanaannya. (Mahmud, 2011). Pelaksanaan metod kelaziman atau kebiasaan ini dinukilkan di dalam hadith Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ الْمَسْجِدَ فَدَخَلَ رَجُلٌ فَصَلَّى فَسَلَّمَ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَفَرَدَّ وَقَالَ ارْجِعْ فَصَلِّ فَإِنَّكَ لَمْ تُصَلِّ فَرَجَعَ يُصَلِّي كَمَا صَلَّى ثُمَّ جَاءَ فَسَلَّمَ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ ارْجِعْ فَصَلِّ فَإِنَّكَ لَمْ تُصَلِّ ثَلَاثًا فَقَالَ وَالَّذِي بَعَثَكَ بِالْحَقِّ مَا أَحْسَنُ غَيْرَهُ فَعَلَّمَنِي فَقَالَ إِذَا قُمْتَ إِلَى الصَّلَاةِ فَكَبِّرْ ثُمَّ اقْرَأْ مَا تَيْسَّرَ مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ ثُمَّ ارْكَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ رَاكِعًا ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَعْدِلَ قَائِمًا ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ جَالِسًا وَافْعَلْ ذَلِكَ فِي صَلَاتِكَ كُلِّهَا. رواه البخاري

Maksudnya:”Dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW masuk masjid, maka masuklah seorang laki-laki dan melakukan solat, lalu ia memberi salam kepada Nabi SAW dan beliau pun menjawab salamnya seraya bersabda. “Kembali dan solatlah, kerana sesungguhnya engkau belum solat.” Kemudian ia datang memberi salam kepada Nabi SAW, dan beliau bersabda. Kembali dan solatlah, kerana sesungguhnya engkau belum solat” (tiga kali). Laki-laki itu berkata, ‘Demi Zat yang mengutusmu dengan benar, aku tidak dapat melakukan yang lebih baik darinya. maka ajarilah aku. Beliau SAW bersabda, “Apabila engkau berdiri untuk solat maka bertakbirlah, kemudian bacalah apa yang mudah bagimu dari Al-quran, lalu rukuklah hingga engkau *tuma'ninah* (tenang) dalam rukuk. Kemudian bangkitlah hingga engkau berdiri lurus. Kemudian sujudlah hingga engkau *tuma'ninah* dalam sujud, lalu bangkitlah hingga engkau *tuma'ninah* dalam duduk. Lakukan yang demikian itu pada seluruh solatmu.

Hadis di atas mengutarakan beberapa hal, di antaranya: (1) Nabi s.a.w. melihat seorang laki-laki mendirikan solat dalam masjid, (2) Setelah solat, laki-laki itu datang kepada Nabi dan mengucapkan salam dan Nabi menjawabnya, (3) Nabi menyuruhnya mengulang solatnya kerana belum sempurna, (4) Laki-laki itu mengulang solat dengan cara seperti

pertama kali, (5) Nabi menyuruh ulang lagi sampai tiga kali, (6) Laki-laki itu mengulang solatnya sampai tiga kali pula. (7) Selepas itu, laki-laki itu mengaku bahawa ia tidak mampu lagi melakukan solat lebih baik daripada itu dan meminta Nabi mengajarnya, dan (8) Nabi mengajar cara-cara solat yang benar. Di sini, Rasulullah saw tidak langsung mengajar sahabat bagaimana cara solat yang benar, tetapi menyuruhnya melakukannya terlebih dulu secara berulang-ulang. Dalam peristiwa ini, terlihat prinsip metod pengulangan yang digunakan oleh Rasulullah saw. Dengan cara tersebut, sahabat itu terkesan dan bersungguh-sungguh memerhatikan apa yang akan diajarkan oleh Rasulullah saw. Hal ini diperlukan agar kandungan ajaran yang ditunjukkan memberikan kesan yang kuat dalam memori orang yang diajar.

As-Syaibani juga menyatakan bahawa Al-quran banyak melakukan pengulangan yang dapat dijadikan dalil untuk memperkuat perlunya prinsip pengulangan ini dipertimbangkan. Nabi sendiri telah mengkhususkan waktu tiga tahun berturut-turut untuk menanamkan perintah penting dalam Islam, iaitu perintah solat. Betapa pentingnya kedudukan solat itu dapat difahami dari firman Allah dalam Al-quran disebutkan, “*Perintahkanlah keluargamu mengerjakan salat dan hendaklah bersabar melaksanakannya.*” (surah at-Toha:132). Mendidik anak mengerjakan solat memerlukan kesabaran yang tinggi kerana setiap kali masuk waktu solat ibu-bapa harus menyuruh anak-anak mengerjakan solat. Dalam memastikan kewajipan solat ini, ibu-bapa tidak boleh merasa bosan dan letih.

Di dalam riwayat lain juga menceritakan tentang metod pengulangan yang dipraktikkan oleh Rasulullah ketika mahu mengajar sahabat cara berwudu’:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ أَنَّ رَجُلًا تَوَضَّأَ فَتَرَكَ مَوْضِعَ ظُفْرِ عَلَى قَدَمِهِ فَأَبْصَرَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ ارْجِعْ فَأَحْسِنْ وُضُوءَكَ فَرَجَعَ ثُمَّ صَلَّى. رواه البخاري

Maksudnya: “*Umar ibn Khattab meriwayatkan bahwa seorang laki-laki berwuduk lalu ia meninggalkan membasuh tumitnya selebar kuku. Hal itu dilihat oleh Nabi SAW. Lalu, beliau bersabda: Ulangilah dan perbaiki wudukmu. Seterusnya, laki-laki itu mengulang wuduknya lalu mengerjakan solat*”. Dalam hadis ini, Rasulullah saw. mengajarkan cara berwuduk setelah melihat ada rukun wuduk sahabat yang tidak sempurna. Beliau menyuruh sahabat itu mengulangi wuduknya.

3. Pendidikan dengan nasihat

Antara metod yang paling efektif dalam memastikan anak-anak mendapat pendidikan yang menyeluruh adalah pendekatan nasihat kerana anak-anak di awal usia memiliki rasa ingin tahu yang tinggi dan cepat mengikut contoh yang diberi. Hal ini sangat penting kerana anak-anak akan dapat memastikan dan menilai segala tindakan dan tingkah laku mereka tidak bercanggah dengan prinsip agama. Ini sudah jelas digambarkan di dalam al-quran yang menekankan metod memberi nasihat di dalam medan dakwah melalui firmannya:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ

Maksudnya: “*Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik*”.

Nasih Ulwan menyatakan bahawa al-Quran mengaplikasikan nasihat dan pengajaran dengan pelbagai cara iaitu nasihat dengan seruan, metod penceritaan, pengarahan dengan wasiat dan nasihat. Pertama, metod nasihat dengan menyeru secara lembut sebagaimana yang

ditonjolkan di dalam al-quran iaitu melalui nasihat kepada anak-anak seperti di dalam surah Luqman:13 (nasihat Luqman kepada anaknya), Surah Hud:2 (ucapan Nuh kepada anaknya),surah Yusuf:5 (nasihat Ya'kub kepada Yusuf, Surah al-Baqarah: 132(nasihat Ibrahim dan Ya'kub kepada anak-anaknya).Daripada keseluruhan cerita yang terpapar di dalam al-Quran tentang nasihat kepada anak-anak, didapati bahawa nasihat pertama yang ditekankan adalah beriman kepada Allah dan tidak melakukan Syirik.

Kedua, metod cerita dengan menggunakan nasihat. Islam melihat bahawa sifat semulajadi manusia suka mendengar cerita dan ia memberi pengaruh besar terhadap perasaan. Kaedah ini menonjolkan pengaruh yang tersendiri bagi jiwa dan akal malah al-Quran turut menggunakan kaedah ini di beberapa tempat yang menyentuh kisah para rasul bersama umat mereka supaya menjadi pengajaran kepada umat manusia seperti di dalam surah Yusuf: 3, surah al-A'raf: 101 dan 176, surah Hud 120, surah an-Nazi'at:15, adz-zariyat:24, surah al-Buruj:17-18.

4. Pendidikan melalui Perhatian dan Pengawasan(*Mulahazah wa mutaba'ah*)

Pendidikan dengan pemerhatian dan pengawasan adalah mencurahkan dan memerhatikan perkembangan anak dalam pembinaan aqidah dan moral, spiritual, sosial dan jasmani.(Nasih Ulwan,1997).Hal ini bertepatan dengan tuntutan Islam yang memerintahkan para ibu bapa menjaga dan memantau anak-anak dari segala aspek kehidupan sebagaimana yang ditegaskan di dalam firman Allah s.w.t:

{ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ }

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarnya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”(at-Tahriim:6)

Berikut adalah beberapa aspek yang harus diperhatikan oleh pendidik menurut Nasih Ulwan iaitu:

1) Perhatian dari segi aqidah tentang prinsip dan keyakinan kepada rukun Iman. Pemantauan perlu dilakukan oleh ibu bapa dari sudut bahan bacaan yang dirujuk berkaitan perkara aqidah seperti buku teks sekolah, majalah dan buku serta memastikan tiada unsur-unsur yang menyesatkan aqidah ataupun dakyah agama lain yang mempengaruhi pemikiran dan aqidah anak-anak. Selain itu, ibu bapa atau penjaga perlu memantau perkembangan sosial anak-anak dengan mengambil tahu latar belakang rakan-rakan anak-anak supaya mereka tidak terjerat dengan pemikiran dan ajaran salah melalui pengaruh rakan sebaya.

2) Perhatian dari segi moral anak iaitu memastikan anak-anak tidak terpengaruh dengan sifat-sifat tercela terutama dari segi lisan seperti bercakap bohong dan mengeluarkan perkataan keji (Nasih Ulwan,1975). Jika didapati anak-anak melakukan kesalahan maka ibu bapa atau penjaga harus memainkan peranan menegur dan menasihati mereka dengan berhikmah. Ibu bapa juga harus menumpukan perhatian mendidik anak-anak supaya sentiasa membantu orang sekeliling,bersedekah dan membantu apa jua kerja kebajikan.

3) Perhatian dari segi mental dan intelektual anak dengan memerhatikan daya kemampuan intelektual anak dan pembentukan aqal budinya samaada melalui pengajaran fardhu ain ataupun fardhu kifayah. Perkara ini boleh dilaksanakan melalui pendedahan bahan bacaan bermutu atau penggunaan gajet (seperti telefon pintar, komputer riba dan lain-lain) yang positif melalui perisian/aplikasi permainan yang dimuat turun percuma atau berbayar yang mempunyai ciri-ciri pendekatan Islam.

4) Perhatian dari segi jasmani anak dengan membekalkan keperluan gizi yang seimbang dan mencukupi untuk tumbesaran dan perkembangan kesihatan anak. Rasulullah s.a.w memerintahkan umatnya berubat ketika ditimpa penyakit sebagaimana sabda baginda s.a.w bersabda:

Maksudnya: *Wahai hamba-hamba Allah, berubatlah kalian, Sesungguhnya Allah tidak menciptakan suatu penyakit kecuali Dia mencipta ubatnya.*(HR an-Nasa'i)

5) Perhatian dari sudut psikologi anak dengan menanamkan sifat keberanian, keteguhan dan ketabahan dalam diri anak-anak. Sifat malu dan rendah diri yang keterlaluan dalam diri sebahagian anak-anak perlu dikikis sedikit demi sedikit dengan melibatkan mereka dalam aktiviti sosial melalui pelbagai aktiviti bersama masyarakat dari pelbagai peringkat umur. Dengan cara ini dapat juga menghapuskan rasa takut dan anti-sosial yang kadang-kala membelenggu jiwa anak-anak.

6) Perhatian dari segi sosial anak dengan memastikan anak-anak menunaikan hak-hak diri, hak ibu bapa, hak-hak jiran dan hak-hak orang lain. Sekiranya mereka belum menunaikan hak orang lain atau didapati melalaikan hak orang yang lebih tua maka pendidik harus menjelaskan buruknya sikap tersebut dan menjelaskan akibatnya. Sehingga diharapkan dia dapat mengerti, mendengar, sedar dan tidak melalaikan hak orang lain memerhatikan tatasusila dan tidak meremehkan tanggungjawab.(Nasih Ulwan,1995)

5. Pendidikan melalui Ganjaran Dan Hukuman (*Al-thawab wa al iqab*)

Secara fitrah, manusia berkeinginan kepada ganjaran dan akan berasa takut kepada hukuman akibat kesalahan yang dilakukan. Pemberian ganjaran dan hukuman dalam pendidikan yang digambarkan dalam Islam adalah melalui metod *targhib* dan *tarhib*. Konsep pengukuhan dan hukuman melalui uslub al-Quran dikenali sebagai *targhib*, iaitu pendekatan pujukan/seruan cara baik sebagai motivasi kepada anjuran melakukan perilaku yang baik. Manakala *tarhib* pula sebagai pendekatan ancaman/teguran yang akan menghalang daripada melakukan sesuatu tabiat yang buruk.

Metodologi *targhib* dan *tarhib* digunakan sebagai pembentukan fitrah dan keinginan manusia berdasarkan perkara yang telah digariskan dalam Islam. Allah telah menggambarkan banyak peristiwa di dalam al-Quran dengan membawa maksud ganjaran, hukuman, pujukan, peringatan, dorongan dan ancaman.(Yusof,2006)

Hukuman yang diterapkan oleh pendidik perlu disesuaikan dengan usia dan perkembangannya supaya ianya tidak memberi kesan kepada emosi anak. Menurut Nasih Ulwan, hukuman yang diberikan hendaklah dilakukan dengan penuh kelembutan sesuai dengan usia anak, tetap menjaga tabiat anak yang melakukan kesalahan dalam memberikan hukuman dan menggunakan tingkatan dalam memberi hukuman mulai dari yang paling ringan hingga yang paling berat.(Nasih Ulwan,1995).

Al-Ghazali(1978) menjelaskan bahawa sewaktu anak-anak menunjukkan budi pekerti yang baik dan terpuji, ia perlu dihargai da dibalas dengan sesuatu yang menggembirakan dan dipuji atau diberi hadiah. Manakala hukuman yang diberikan kepada anak sebagai bentuk tindakan terakhir atas kesalahan yang dilakukan. Hukuman diberikan kepada anak supaya anak

mengetahui dan sedar diri atas kesalahan yang dilakukan. Anak-anak akan termotivasi untuk mengekalkan kebaikan dan akan berusaha memperbaiki kelemahan atau mengurangkan kesalahan untuk mengelak dari dikenakan hukuman.

5. Rumusan

Dapat disimpulkan bahawa berdasarkan pandangan para ulama' dan cendekiawan Islam, suatu model pendidikan anak-anak yang seimbang (*tawazzun*) dan komprehensif (*syumul*) yang meliputi akademik, psikologi dan kerohanian perlu diketengahkan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa penerapan nilai- nilai '*aqli* dan *naqli* di dalam pendidikan awal anak-anak juga perlu dititikberatkan bagi memastikan natijah daripada pendidikan tersebut mampu melahirkan anak-anak yang seimbang keperluan rohani dan jasmaninya.

6. Penghargaan

Kertas ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan yang dibiayai oleh geran penyelidikan Kod: USIM/UKM/RCRP/FKP/052005/70817.

7. Rujukan

- Muhammad Fadhil al-Jamali.1995. *Falsafah al-Tarbiah Fi al-Quran*. Jakarta: Pustaka al-Kautsar.
- Abu Hamid Muhammad al-Ghazali.1978. *Ihya' Ulumuddin*.Beirut: Dar al-Kutb al-Ilmiyyah.
- Abu Hamid Muhammad al-Ghazali.2008. *Ayyuhal Walad(Terjemahan)*. K.Lumpur: Pustaka Darus Salam al-Ilmiyyah.
- Abdullah Nasih Ulwan. 1996. *Pedoman Pendidikan Anak-anak Dalam Islam.Terjemahan Saifullah Kamalie dan dan Hery Neor Ali*. Kuala Lumpur:Victory Agencie.
- Abdullah Nasih Ulwan. 1996.*Tarbiyatul Awlad Fi al-Islam*.Beirut: Dar al-Salam.
- Muhammad Yusof,Bani,S.N.2006. *Konsep ganjaran Dalam Aktiviti Pembelajaran: Pengamalannya di sebuah sekolah menengah agama di Terengganu*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajian Umum (SKPU 2006).Anjuran Jabatan Pembangunan Sumber Manusia,Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia,Universiti Teknologi Malaysia,Skudai,13&14 Jun 2006.
- Asmau Imam Abdul Kabir. 2016. *The needs and direction for changes in curriculum standards for Islamic Education*. *Islamiyyat*, 38(1): 35-44.
- Nor Asiah Ibrahim Shah, Mohd Othman Yussoff, Hafizah Kusnek@Khusni. 2017. *Pendekatan integratif Syed Muhammad Naquib al-Attas: Pelaksanaan ke atas sistem pendidikan di Malaysia*. Kertas Kerja dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Ke-3 2017.
- Al-Faruqi, Ismail Raji. (1989). *Islamization of knowledge: general principle and work plan*. Herndon Virginia: The International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Abdul Halim Tamuri & Nur Hanani Hussin. 2017. *Cabaran Pendidikan Islam di era media sosial*. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 1(2): 37-43.
- Norfauzian Kassim & Fauziah Hanim Jalal, 2015. *Kurikulum pendidikan awal kanak-kanak dan modul pendidikan akhlak: Isu dan cabaran masa kini*. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Psikologi Kebangsaan 2015.